MEREKA YANG TERSESAT

LALU AL-QURAN MENUNJUKKAN JALAN

oleh
Dr Muhammad Sa‘id Ramadan al-Buti

Melaka
Rabbani Books & Media
2024

ISI KANDUNGAN

Antara mesej yang selalu diulang-ulang oleh Syeikh adalah kita perlu sentiasa menginsafi hakikat kehambaan kita terhadap Allah ﷾. Barangkali dan pastinya kita yang lemah ini pernah sesekali tersilap langkah, namun disebabkan kesedaran kita mengenai hakikat kehambaan tersebut, Allah ﷾ boleh bila-bila masa sahaja menarik kita kembali kepada-Nya.

Syaratnya ialah kita tidak angkuh, menutup telinga daripada mendengar peringatan, atau bersikap degil dan keras kepala. Jika syarat-syarat tersebut dipenuhi, nescaya tapak yang kondusif telah tersedia bagi menerima hidayah Allah yang mahal harganya.

Kami berharap, buku ini akan menjadi panduan dan iktibar buat para pembaca dalam menghadapi pelbagai cabaran dan dugaan dalam kehidupan masing-masing. Semoga usaha ini mendapat keberkatan daripada Allah ﷾ dan menjadi sumbangan kecil kami dalam menyebarkan cahaya hidayah kepada umat manusia.

Kepada semua; selamat membaca.

-Penerbit

KISAH FUDAYL BIN ‘IYAD

Baiklah, mari kita beralih kepada satu lagi cerita tentang seorang yang sesat dan jauh daripada jalan yang benar, yang terjerumus dalam dosa-dosa besar, tetapi kemudian sepotong ayat daripada kitab Allah ﷻ ini menariknya ke jalan hidayah, ke jalan taubat dan kembali kepada Allah ﷻ.

Tahukah kalian siapakah orang tersebut, tuan-tuan dan puan-puan?

Beliau adalah Fudayl bin ‘Iyaḍ, yang wafat pada tahun 187 H. Beliau hidup lebih terkemudian daripada Malik bin Dinar.

Bagaimanakah keadaan hidup Fudayl bin ‘Iyad di peringkat awal?

Awalnya, beliau adalah seorang perompak jalanan yang namanya sangat ditakuti oleh orang ramai, terutamanya para pedagang yang melintasi padang pasir dari satu negeri ke negeri lain untuk urusan perniagaan mereka.

Bagaimana beliau boleh bertaubat?

Bagaimana beliau kembali kepada Allah ﷾?

Beliau mempunyai hubungan cinta yang kuat dengan seorang gadis. Beliau sangat mencintai gadis tersebut, dan gadis itu berjanji untuk menemuinya selepas tengah malam pada waktu yang telah ditetapkan.

Fudayl pergi ke rumah gadis itu pada waktu yang dijanjikan. Dia memanjat tembok untuk masuk ke dalam rumah gadis tersebut.

Ketika dia sudah berada di atas tembok dan ingin melompat masuk ke dalam rumah, dia terdengar suara yang datang dari kegelapan malam yang membacakan ayat daripada kitab Allah ﷾ ini:

﴿ أَلَمۡ يَأۡنِ لِلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ أَن تَخۡشَعَ قُلُوبُهُمۡ لِذِكۡرِ ٱللَّهِ
وَمَا نَزَلَ مِنَ ٱلۡحَقِّ وَلَا يَكُونُواْ كَٱلَّذِينَ أُوتُواْ ٱلۡكِتَٰبَ مِن
قَبۡلُ فَطَالَ عَلَيۡهِمُ ٱلۡأَمَدُ فَقَسَتۡ قُلُوبُهُمۡۖ ﴾

Terjemahan: *Belum tibakah waktunya bagi orang-orang yang beriman untuk khusyuk hati mereka mengingat Allah dan kebenaran yang telah turun kepada mereka, dan janganlah mereka menjadi seperti orang-orang yang telah diberi kitab sebelum itu, yang berlalunya waktu yang panjang atas mereka, lalu hati mereka menjadi keras?*"

(Surah al-Hadid 57: 16)

Ketika mendengar ayat ini dibacakan di keheningan malam, ayat tersebut menembus ke dalam hati dan menyalakan api dalam jiwanya yang padam serta membangkitkan fitrah iman.

Dia berteriak dari atas tembok, "Benar, wahai Tuhanku, sudah tiba waktunya! Benar, wahai Tuhanku, sudah tiba waktunya!"

Lalu dia turun dari tembok dan pulang.

Dia membersihkan diri dan memperbaiki hubungannya dengan Allah ﷾.

Pada pagi hari berikutnya, dia kembali ke negerinya. Dalam perjalanan pulang, terdapat tempat-tempat yang disebut *al-khānāt* pada masa itu, yang serupa dengan hotel atau tempat penginapan di zaman ini.

Tempat-tempat ini digunakan oleh para musafir untuk berehat, makan, dan tidur. Fudayl bin ‘Iyad singgah di salah sebuah tempat penginapan ini dalam perjalanan pulangnya.

Waktu itu malam, dan kebetulan ada beberapa pedagang yang turut berada di tempat penginapan tersebut.

Mereka berbincang sesama mereka, “Adakah kita patut bermalam di sini, atau pergi sekarang untuk urusan kita?”

Salah seorang daripada mereka menjawab, "Tidak, demi Allah, kita harus bermalam di sini kerana jalan ini tidak aman. Sering kali Fudayl ada di jalan ini, dan mungkin dia sedang mengintai kita.”

Fudayl yang berada di sana berkata, “Fudayl telah bertaubat kepada Allah, dan inilah Fudayl yang berada dalam kalangan kalian. Kalian tidak perlu takut kepadanya lagi selepas ini.”

Dia menangis dengan penuh kesedihan dan berkata kepada dirinya sendiri, “Orang-orang takut padaku, orang-orang takut pada kekejamanku, sedangkan aku dalam keadaan seperti ini.”

Setelah sampai ke rumahnya, dia segera pergi ke Masjidil Haram untuk menunaikan haji pada tahun tersebut.

Itulah detik awal Fudayl bin ‘Iyad dilihat sebagai seorang yang telah bertaubat dan kembali kepada Allah ﷾. Dia berubah daripada seorang pencuri dan perompak jalanan menjadi seorang yang sangat soleh

dan rabbani. Dia menghabiskan hidupnya mempelajari hadis Nabi ﷺ dan mempelajari syariat Allah ﷾.

Orang ramai melihatnya melaksanakan ibadah haji, tawaf di Kaabah, dan berihram.

Ketika orang ramai melihatnya pada hari Arafah melaksanakan ibadah-ibadah haji, dia duduk dengan kepalanya disandarkan pada telapak tangan kanan, tidak bergerak dan tidak berbicara, hanya duduk dalam keadaan merenung dan berfikir, penuh dengan rasa sedih dan hiba.

Ketika malam tiba dan jemaah haji mulai bergerak menuju Mina, dia bangkit dan berkata sambil memandang ke langit, “Betapa malu dan hinanya aku di hadapan-Mu, ya Allah, sekalipun Engkau mengampuniku.”

Inilah kata-kata yang beliau ucapkan setelah lama merenung, dan yang membebaninya sepanjang hari Arafah.

Beliau mengenang masa-masa lalunya, saat-saat ketika beliau jauh daripada Allah ﷾, masa-masa yang dihabiskannya dalam ketidakpatuhan dan ketidaktaatan kepada Allah.

Beliau mengingat kembali seruan Allah yang diabaikan sehingga saatnya tiba, saat Allah ﷾ menunjukkan rahmat-Nya, menarik beliau kembali dan memilihnya.

Seolah-olah Allah ﷾ berkata kepadanya, “Cukuplah, kembalilah. Mari kita berdamai.”

Maha Suci Allah yang memulakan perdamaian dengan hamba-Nya sebelum hamba itu meminta perdamaian dengan-Nya.

Fudayl sezaman dengan Harun al-Rasyid dan Sufyan bin Uyainah. Harun al-Rasyid pula memang sering duduk bersama para ulama dari semasa ke semasa, mendengar nasihat mereka dan terkesan dengan

nasihat-nasihat tersebut. Kadang-kadang mereka akan datang melawatnya, dan kadang-kadang dia sendiri yang pergi menemui mereka.

Pada suatu hari, dia memanggil mereka ke majlisnya, lalu mereka datang, dan di antara mereka terdapat Fudayl bin ‘Iyad.

Fudayl masuk sebagai yang terakhir dalam kumpulan tersebut dan duduk di sebelah Sufyan bin Uyainah. Dia menutup mukanya dengan jubah.

Fudayl bertanya kepada Sufyan, “Sufyan, yang manakah Amirul Mukminin?” Dia tidak tahu siapa Harun al-Rasyid.

Sufyan menunjuk ke arah Harun al-Rasyid dan berkata, “Itu dia.”

Fudayl melihat kepadanya dan berkata, “Wahai pemilik wajah yang baik, engkaukah yang memegang perintah umat ini, dan memikul tanggungjawab besar ini di atas bahumu?”

Harun al-Rasyid memandangnya dan menangis dengan penuh keharuan akibat terkesan dengan kata-kata itu.

Kemudian, Harun al-Rasyid menghormati para ulama ini dengan memberikan mereka sejumlah wang yang mencukupi, tetapi Fudayl menolak untuk menerimanya. Harun al-Rasyid berkeras, tetapi Fudayl tetap enggan.

Harun al-Rasyid berkata kepadanya, “Apa yang menyebabkan kamu menolaknya, wahai Abu Ali?”

Fudayl menjawab, “Wahai Amirul Mukminin, engkau lebih zuhud daripada aku.”

Harun bertanya, “Bagaimana?”

Fudayl menjawab, “Aku meninggalkan dunia yang sementara ini, sedangkan engkau meninggalkan akhirat yang kekal. Engkau lebih zuhud daripadaku.”

Abdullah bin al-Mubarak berkata, “Apabila disebut

KISAH ABDULLAH BIN AL-MUBARAK

Baiklah, mari kita lihat seorang lagi tokoh hebat yang pernah tersesat di awal kehidupannya, kemudian Allah سبحانه وتعالى menariknya kembali kepada-Nya melalui ayat-ayat daripada kitabullah.

Beliau adalah Abdullah bin al-Mubarak.

Abdullah bin al-Mubarak meninggal dunia pada tahun 181 Hijrah.

Ayahnya, Mubarak, dahulunya adalah seorang hamba sahaya yang bekerja di kebun seorang lelaki kaya. Suatu hari, lelaki kaya tersebut masuk ke kebunnya pada musim luruh dan meminta Mubarak yang bekerja di situ, untuk membawakan kepadanya beberapa biji delima.

Mubarak membawakan beberapa biji delima kepadanya. Lelaki tersebut ingin merasa delima itu, tetapi ternyata ia masam.

Dia berkata kepada Mubarak, "Ini delima yang masam. Bawakan saya delima yang manis."

Mubarak pun pergi dan kembali dengan beberapa biji delima lagi, tetapi ternyata delima kali ini juga masam.

bertakwa."

Dia keluar dengan air mata yang mengalir, menyembunyikan rasa cinta, keperitan hati, kerinduan, dan penderitaan cintanya dalam dada.

Dia semakin memperbanyakkan ibadah, semakin mendekatkan diri kepada Allah ﷻ, sehingga namanya menjadi terkenal dalam kalangan ahli ibadah di Mekah sebagai Abdul Rahman al-Qaṣṣ, si hamba yang zuhud.

Adapun Salamah, nasibnya berakhir apabila dia dibeli oleh Yazid bin Abdul Malik, dan dia berpindah dari Mekah ke Damsyik.

Mungkin ini adalah sebab yang meringankan penderitaan dan kesakitan Abdul Rahman bin Abdullah bin Abi Amir al-Qass.

Selepas itu, Abdul Rahman menjalani kehidupannya, dan satu-satunya penghibur hatinya dalam menghadapi keperitan dan kerinduan adalah firman Allah ﷻ:

﴿ ٱلْأَخِلَّآءُ يَوْمَئِذٍۭ بَعْضُهُمْ لِبَعْضٍ عَدُوٌّ إِلَّا ٱلْمُتَّقِينَ ٦٧ ﴾

Terjemahan: *Pada hari itu, sahabat karib akan menjadi musuh bagi satu sama lain, kecuali orang-orang yang bertakwa.*

(Surah al-Zukhruf 43: 67)

Ini adalah satu lagi gambaran, wahai tuan-tuan dan puan-puan, mengenai individu-individu yang tidak saya katakan semuanya sesat, tetapi ada yang benar-benar hilang arah.

Ada di antara mereka yang berada di tepi jurang kehancuran.

Apa yang menyelamatkan mereka?

Yang menyelamatkan mereka adalah ketetapan Allah.

Firman Allah ﷻ datang ke dalam fikiran Abdul Rahman bin Abdullah bin Abi Amir. Ayat itu muncul di fikirannya dan dia melihatnya sebagai apa yang Allah sebut dalam Surah Yusuf, "*burhān rabbihi*" (bukti daripada Tuhannya).

Saya ingin menyentuh sedikit tentang perasaan cinta di sini.

Cinta bukanlah satu dosa sama sekali.

Perasaan cinta adalah fitrah yang Allah tanamkan dalam diri hamba-hamba-Nya, dan ia sendiri adalah perkara positif, bukan negatif.

Tetapi yang menjauhkan seseorang daripada jalan Allah adalah apabila seseorang itu membiarkan dirinya hanyut dalam cinta tanpa batasan, tanpa mengikut garis panduan yang telah Allah tetapkan.

Inilah hakikat yang perlu kita fahami.

Perasaan tidak membentuk dosa sama sekali. Perasaan adalah reaksi spontan dan bukan suatu tindakan yang dipertanggungjawabkan.

Saya selalu katakan bahawa perasaan bukanlah sebab bagi kewajiban syariat.

Tuhan kita tidak mengatakan kepada kita untuk tidak lapar, tetapi Dia berkata jika kita lapar, jangan mencuri.

Tuhan kita tidak mengatakan kepada kita untuk tidak membenci, tetapi Dia berkata jika kita membenci, jangan menzalimi.

Tuhan kita tidak mengatakan kepada kita untuk tidak mencintai, tetapi Dia berkata jika kita mencintai, jangan menyimpang.

Ya, cinta, jika dibimbing dengan perintah Allah, membawa seseorang lebih dekat kepada Allah, bukan menjauhkannya.

Apa yang menjadikan Abdul Rahman bin Abdullah bin Abi Amir salah seorang yang paling kuat beribadah

dan paling teguh dalam berzuhud sehingga namanya terkenal di Mekah, malah di seluruh Jazirah Arab, sebagai Abdul Rahman al-Qass?

Apa yang mendorongnya ke arah ini adalah cinta. Kesedihan hatinya yang mendorongnya ke arah itu.

***